



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

OPERASI SEPADU MENGUATKUASAKAN AKTA SUKATAN DAN TIMBANGAN 1983 (PENGAL 151) DAN AKTA KAWALAN HARGA (PENGAL 142) DI DAERAH TUTONG

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu secara bulanan ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Tutong pada hari Sabtu, 14 Disember 2024.
2. Hasil daripada operasi tersebut didapati sebanyak tiga belas (13) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 (Pengal 151) dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).
3. Sementara itu, dua (2) buah premis perniagaan didapati gagal mematuhi Akta Kawalan Harga (Pengal 142) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya iaitu Bab 3B dan Bab 5 masing-masing berkaitan dengan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga dan tidak mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan yang dijual dalam premis perniagaan. Berikutan kesalahan-kesalahan ini, pihak JPES telah mengeluarkan dua (2) Notis Amaran kepada premis-premis perniagaan berkenaan. Semasa operasi dijalankan, para peniaga juga dinasihatkan agar sentiasa patuh terhadap Akta Kawalan Harga (Pengal 142).
4. Para pengguna alat sukat dan timbang adalah dinasihatkan untuk memastikan alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli yang melibatkan bacaan tanda berat, isipadu, ukur panjang dan lebar mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT. Di samping itu, para peniaga disarankan agar sentiasa mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul, dan mengoptimalkan aplikasi mudah alih PenggunaBijak untuk mendapatkan harga maksimum terkini bagi barangan dikawal harga dan seterusnya memastikan barangan berkenaan tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.
5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:
 - i. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau talian 2334092; dan
 - ii. Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau e-mel kepada: aduanpengguna@jpes.gov.bn

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT),
Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: sdt@mofe.gov.bn

Rujukan : (063) KKW/SDT/ENF/04
Tarikh : 26 Jamadilakhir 1446 / 28 Disember 2024



PRESS RELEASE

MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JOINT OPERATION ON WEIGHTS AND MEASURES ACT 1983 (CHAPTER 151) AND PRICE CONTROL ACT (CHAPTER 142) AT TUTONG DISTRICT

1. The Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through the Weights and Measures Unit (SDT) and the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs under the Ministry of Finance and Economy conducted a monthly joint operation which was carried out at several business premises in Tutong District on Saturday, 14 December 2024.
2. During the operation, SDT officers found thirteen (13) units of weighing machines used for trading purposes. All weighing machine are verified, accurate and registered in accordance to the Weights and Measures Act 1983 (Chapter 151) dan Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 under section 3 (1) and (2).
3. Two (2) business premises were found to infringe the Price Control Act (Chapter 142) and its regulations, particularly Section 3B and Section 5, which pertain to selling above the maximum price for price-controlled items and the non-display of prices for some items found at the business premises. As a result of these offences, DEPS has issued two (2) Warning Notices to the business premises. During the joint operation, retailers are also reminded to ensure compliance with the Price Control Act (Chapter 142).
4. Consumers are advised to ensure that weighing and measuring machines used during trading activities involving weight, volume and length of the devices bear a valid registration sticker issued by SDT. Additionally, retailers are reminded to display prices clearly and accurately, and to utilize the *PenggunaBijak* mobile application to obtain the latest maximum price of controlled items and ensure that the items are not sold above the set maximum prices.
5. For any enquiries, the public may contact the relevant agencies as follows:
 - i. Weights and Measures Unit via email: sdt@mofe.gov.bn or contact at 233 4092; and
 - ii. Department of Consumer Affairs, DEPS via Talian Darussalam 123 and *PenggunaBijak* app, or e-mail: consumercomplaint@jpes.gov.bn

-END-

Prepared by:
Weights and Measures Unit (SDT),
Industry and Business Ecosystem Division (IBE)
Ministry of Finance and Economy
E-mail: sdt@mofe.gov.bn

Reference: (063) KKW/SDT/ENF/04
Date: 26 Jamadilakhir 1446 / 28 Disember 2024

**OPERASI SEPADU MENGUATKUASAKAN AKTA SUKATAN DAN TIMBANGAN 1983 PENGGAL 151
DAN AKTA KAWALAN HARGA, PENGGAL 142 DI DAERAH TUTONG**

